



## Graduan UMP terpilih ceburi industri aeroangkasa

Tiga graduan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Malaysia PAhang (UMP) terpilih antara seribu pemohon dan berjaya menempatkan mereka di kalangan 24 peserta perintis program 'Pemimpin Aeroangkasa' yang melayakkan bekerja sebagai jurutera di syarikat yang mempunyai kepakaran dalam pembuatan komponen pesawat di negara ini.

Mereka ialah Hairisuddin Idris, 23, dan

Nurul Husna Md. Sharif, 24, yang merupakan graduan lepasan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif.

Manakala, Mohd. Zaid Zakaria, 23, adalah graduan lepasan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.

Penganjuran program perintis ini adalah kerjasama antara pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Industri Malaysia-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), syarikat Spirit Aero Systems Malaysia (Spirit (M)), Strand Aerospace Malaysia (Strand) dan Composites Technology Research Malaysia (CTRM).

Menurut Koordinator Program Pemimpin Aeroangkasa dari Might-Meteor Advanced Manufacturing Sdn. Bhd. Marlizan Markali, daripada 500 calon yang layak, hanya 24 peserta yang terdiri daripada 20 lelaki dan empat wanita berjaya memenuhi kriteria serta layak bekerja dengan tiga syarikat pembuatan komponen pesawat yang dinyatakan.

"Bagi membentuk pekerja yang mempunyai kepakaran yang tinggi, mereka ini akan menjalani latihan persediaan terutamanya latihan kemahiran insaniah (*soft skills*), kemahiran berkomunikasi dan kerja teknikal selama 16 bulan sebelum terpilih memasuki syarikat.

"Mereka ini akan dilatih menggunakan perisian CATIA, menjalani latihan teori serta praktikal dalam bidang komposit sehingga mahir dan cekap sebelum ditempatkan di syarikat," katanya.

Sementara itu, menurut Nurul Husna, beliau yang dipilih menyertai syarikat Spirit Aerostystems di Subang berasa amat bertuah setelah bersaing hebat dengan peserta lain yang mempunyai latar belakang bidang aeroangkasa.

Beliau percaya telah membuat pilihan yang tepat berikutnya permintaan tinggi terhadap kemahiran dan tenaga kerja dalam bidang ini di pasaran akan datang.

Manakala bagi Mohd. Zaid pula, beliau tidak menyangka minatnya dalam bidang aeroangkasa ini tercapai dengan tawaran yang diterima untuk bekerja dengan syarikat Strand.

Menurut Hairisuddin pula yang ditempatkan di CTRM, pendedahan dalam kemahiran insaniah yang ditetapkan di universiti banyak membantu beliau dan rakan-rakan dalam mendapatkan tempat dalam industri ini.

Hadir sama di Majlis Pelancaran Kursus Kemahiran Insaniah di Agro Resort Semuji ialah Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusarie Zainuddin, Ketua Pegawai Operasi, Might-Meteor Advanced Manufacturing Sdn. Bhd., Jasmin Baba, Ketua Pegawai Operasi Strand, Naquib Mohd. Nor, wakil CTRM dan Spirit (M).

